



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2009**

---

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT27, NT32, NT36**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2005 kepada skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36 bagi pemakaian di Semenanjung Malaysia.

**LATAR BELAKANG**

2. Sebagaimana dimaklumi, skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2006 menetapkan syarat lantikan di Gred NT17 ialah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut atau Sijil Perancang Bandar dan Wilayah atau Sijil Kejuruteraan (Ukur Tanah atau Perancang Bandar dan Wilayah). Manakala syarat lantikan di Gred NT31 pula ialah Diploma Pentadbiran Awam atau Diploma Pengurusan Harta Benda serta pengalaman 10 tahun dalam bidang berkaitan. Syarat lantikan di kedua-dua gred lantikan tersebut mewajibkan pegawai memiliki kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

3. Seajar dengan usaha kerajaan untuk memantapkan fungsi pentadbiran tanah khususnya meningkatkan kecekapan sistem penyampaian pengurusan pentadbiran tanah di samping keperluan kemahiran penganalisan, pengupayaan penguatkuasaan pentadbiran tanah, serta kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), maka skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 ditambah baik dengan mewujudkan satu skim perkhidmatan baharu Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36.

### **SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH**

4. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang baharu ini memperuntuk perbekalan-perbekalan seperti berikut:

#### **Gred Gaji/ Gred Jawatan:**

(a) gred gaji/ gred jawatan ialah Gred NT27, NT32, NT36.

#### **Syarat Lantikan:**

(b) sijil dalam bidang perancang bandar dan wilayah daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27:P1T1); atau

(c) sijil dalam bidang kejuruteraan (ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah) daripada politeknik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27:P1T1); atau

(d) diploma dalam bidang ukur tanah daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27:P1T6); atau

- (e) diploma dalam bidang perancangan bandar dan wilayah daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27:P1T6); dan
- (f) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL):**

- (g) skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang baharu ini memperuntuk perbekalan KPSL kepada skim perkhidmatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

5. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang baharu adalah seperti di **Lampiran A**. Format iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang baharu adalah seperti di **Lampiran B** dan Jadual Gaji Matriks (JGM) adalah seperti di **Lampiran C, C1 dan C2**. Penghuraian tugas adalah seperti di **Lampiran D**.

**PELAKSANAAN**

6. Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 di Semenanjung Malaysia yang dilantik secara tetap layak diberi opsyen untuk ditukar lantik mengikut gred seperti berikut:

- (a) Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22 yang memenuhi syarat lantikan Penolong Pegawai Tanah yang baharu akan ditukar lantik ke Penolong Pegawai Tanah Gred NT27;
- (b) Penolong Pegawai Tanah Gred NT31, NT32 akan ditukar lantik ke Penolong Pegawai Tanah Gred NT32;

- (c) Penolong Pegawai Tanah Gred NT36 akan ditukar lantik ke Penolong Pegawai Tanah Gred NT36; dan
- (d) Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22 yang tidak memenuhi syarat lantikan Penolong Pegawai Tanah yang baharu akan ditukar lantik dengan kelonggaran syarat ke jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT27 tertakluk kepada memiliki SPM termasuk kepujian Bahasa Malaysia (termasuk Ujian Lisan) serta pengalaman selama tidak kurang daripada 6 tahun sebagai Penolong Pegawai Tanah.

7. Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22 yang belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Gaji pegawai hanya akan dipindahkan ke matagaji baharu dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT27 sehari selepas memenuhi syarat seperti yang ditetapkan. Tempoh perkhidmatan tetap yang disyaratkan adalah tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji atau mana-mana tempoh yang tidak diambil kira berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

8. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, semua lantikan ke perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di Semenanjung Malaysia hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu ini. Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36 secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 atau untuk mewujudkan jawatan KUP bagi pegawai yang belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan atau pegawai yang tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan baharu Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36, yang mana berkenaan.

## PEMBERIAN OPSYEN

9. Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Jabatan/Perkhidmatan akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

10. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen diedarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan ini. Pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.

11. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta telah memilih tawaran opsyen Sistem Saraan Malaysia.

12. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

13. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

14. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 12 atas alasan yang munasabah, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan pegawai membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

15. Bagi maksud pemberian opsyen, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:

- (a) Surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan - **Lampiran E**
- (b) Syarat-syarat pertukaran pelantikan - **Lampiran E1**
- (c) Borang opsyen pertukaran pelantikan - **Lampiran E2**
- (d) Surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan bagi penyandang yang belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan; - **Lampiran E3**
- (e) Borang opsyen pertukaran pelantikan bagi penyandang yang belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan; - **Lampiran E4**

16. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai dalam lantikan sementara/ kontrak/ sambilan. Perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Walau bagaimanapun, sekiranya perkhidmatan pegawai masih diperlukan, urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk pegawai memenuhi syarat skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36.

## KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

17. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 yang ditukar lantik kepada skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36 adalah seperti berikut:

- (a) Penetapan gaji permulaan bagi pegawai yang **belum disahkan dalam perkhidmatan** di gred jawatan asal adalah berdasarkan prinsip **matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1)** jawatan baharu; dan
- (b) Penetapan gaji permulaan bagi pegawai yang **telah disahkan dalam perkhidmatan** di gred jawatan asal adalah berdasarkan prinsip **matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1)** jawatan baharu yang mana jumlah tidak kurang daripada **satu Pergerakan Gaji Biasa** di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baharu tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

18. Secara terperinci penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 yang ditukar lantik kepada skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36 adalah seperti berikut:

- (a) Penolong Pegawai Tanah Gred NT17
  - (i) Penolong Pegawai Tanah Gred NT17 yang **belum disahkan dalam perkhidmatan** dan **telah memenuhi syarat** yang ditetapkan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di **Gred NT27**;
  - (ii) Penolong Pegawai Tanah Gred NT17 yang **belum disahkan dalam perkhidmatan** dan **belum memenuhi syarat** akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk

Penyandang (KUP). Gaji pegawai hanya akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang baharu sehari selepas memenuhi syarat seperti yang ditetapkan;

- (iii) Penolong Pegawai Tanah Gred NT17 yang **telah disahkan dalam perkhidmatan** dan **telah memenuhi syarat** yang ditetapkan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred NT27 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) Gred NT27 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
  - (iv) Penolong Pegawai Tanah Gred NT17 yang **telah disahkan dalam perkhidmatan** dan **belum memenuhi syarat** yang ditetapkan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Gaji pegawai hanya akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang baharu sehari selepas memenuhi syarat seperti yang ditetapkan.
- (b) Penolong Pegawai Tanah Gred NT22
- (i) Penolong Pegawai Tanah Gred NT22 yang **telah memenuhi syarat** pertukaran pelantikan yang ditetapkan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred NT27 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) Gred NT27 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
  - (ii) Penolong Pegawai Tanah Gred NT22 yang **belum memenuhi syarat** akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Gaji pegawai hanya akan

ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang baharu sehari selepas memenuhi syarat seperti yang ditetapkan.

(c) Penolong Pegawai Tanah Gred NT31

- (i) Penolong Pegawai Tanah Gred NT31 yang **belum disahkan** hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred NT32 baharu yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) Gred NT32 baharu tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (ii) Penolong Pegawai Tanah Gred NT31 yang **telah disahkan** dan berada di Peringkat 1 (P1) hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred NT32 baharu yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) Gred NT32 baharu tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (iii) Penolong Pegawai Tanah Gred NT31 yang telah berada di atas matagaji di Peringkat 2 (P2) atau di Peringkat 3 (P3) di Gred NT31, hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di Gred NT31 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred NT31 dan diselaraskan di Peringkat 2 (P2) di Gred NT32 baharu.

(d) Penolong Pegawai Tanah Gred NT32

- (i) Penolong Pegawai Tanah Gred NT32 hendaklah ditawarkan matagaji mengikut Peringkat (P) di Gred NT32 baharu di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di

gred jawatan asal dan jumlah perbezaannya adalah tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(e) Penolong Pegawai Tanah Gred NT36

- (i) Penolong Pegawai Tanah Gred NT36 hendaklah ditawarkan matagaji mengikut Peringkat (P) di Gred NT36 baharu di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal dan jumlah perbezaannya adalah tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

19. Sekiranya **matagaji di gred jawatan baharu tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP)** hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

20. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36 adalah seperti di **Lampiran F, F1, F2 dan F3.**

#### **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

21. Pergerakan Gaji Tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada 1 Oktober 2009 hendaklah diberi di gred jawatan asal pada 2 Julai 2009 sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

22. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baharu pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baharu itu ialah mulai 1 Julai tahun berikutnya.

23. TPG bagi pegawai yang **belum layak** ditukar lantik ke gred jawatan baharu yang ditetapkan kekal mengikut TPG gred jawatan dan skim perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun, TPG tersebut akan diubah kepada satu TPG baharu pada tahun berikutnya selepas pegawai tersebut layak ditukar lantik. TPG baharunya ialah pada 1 Julai tahun berikutnya.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

24. Pelaksanaan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36 ini tidak melibatkan perubahan kepada kaedah penetapan kelayakan elaun dan kemudahan sedia ada. Elaun dan kemudahan yang diperuntukkan adalah terus berkuat kuasa di bawah skim perkhidmatan ini.

25. Pegawai yang ditukar lantik atau lantikan baharu bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36 akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

## **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

26. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, ketua jabatan/ perkhidmatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat melalui Ketua Jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(b) **Ketua Jabatan/Perkhidmatan**

- (i) menyampaikan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat;
- (ii) **memberi penjelasan** secara terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) **mengemaskini** kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan;
- (iv) berhubung dengan Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk urusan pemansuhan jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 dan pewujudan jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36 secara tukar ganti serta pewujudan jawatan KUP bagi pegawai yang menolak atau belum layak, di mana berkaitan, selepas urusan opsyen pertukaran pelantikan ini selesai; dan
- (v) **melaksanakan pekeliling perkhidmatan** ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada **Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam** mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan memahami opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah

merujuk kepada ketua jabatan/perkhidmatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;

- (ii) **melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen** iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan/perkhidmatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) **membuat pilihan** sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini dan mengembalikan borang opsyen dalam **tempoh 30 hari** mulai tarikh surat tawaran opsyen.

### **PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

27. Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22 yang ditukar lantik ke Gred NT27 skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang baharu tidak boleh mengguna pakai kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di Gred NT17, NT22 sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat di skim perkhidmatan baharu.

28. Penolong Pegawai Tanah Gred NT31, NT32 dan NT36 yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu Penolong Pegawai Tanah boleh mengguna pakai PTK di Gred NT31/32 atau NT36 sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat di skim perkhidmatan baharu.

### **TARIKH KUAT KUASA**

29. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 2 Julai 2009.


### **PEMAKAIAN**

30. Dengan berkuatkuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2006 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2005 tidak lagi boleh dilaksanakan di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, skim perkhidmatan tersebut

masih terpakai di Negeri Sarawak dan bagi menampung pegawai yang belum layak atau menolak tawaran opsyen tukar lantik.

31. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



( TAN SRI ISMAIL ADAM )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

1      Julai 2009

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## LAMPIRAN A

### SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TANAH  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 2 JULAI 2009

<b>GREED</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>			
<b>Gred NT27</b>	:	P1T1 RM1204.55	-	P1T26 RM3027.10
		P2T1 RM1274.13	-	P2T26 RM3213.25
		P3T1 RM1346.73	-	P3T26 RM3405.26
<b>Gred NT32</b>	:	P1T1 RM2413.04	-	P1T13 RM3592.76
		P2T1 RM2623.28	-	P2T13 RM3911.96
<b>Gred NT36</b>	:	P1T1 RM3001.40	-	P1T11 RM4439.78
		P2T1 RM3211.64	-	P2T11 RM4911.67

- SYARAT LANTIKAN** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c)
    - (i) sijil dalam bidang perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27: P1T1); atau
    - (ii) sijil dalam bidang kejuruteraan (ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27: P1T1); atau
    - (iii) diploma dalam bidang ukur tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27: P1T6); atau
    - (iv) diploma dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27: P1T6).
  - dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN** 2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred NT27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	3.	Penolong Pegawai Tanah Gred NT27 adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
<b>LATIHAN</b>	4.	Penolong Pegawai Tanah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN</b>	5.	Penolong Pegawai Tanah Gred NT27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b>	6.	Penolong Pegawai Tanah Gred NT27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-  (a) memenuhi tempoh percubaan;  (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan  (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
<b>PERGERAKAN GAJI TAHUNAN</b>	7.	Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
<b>PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN</b>	8.	Penolong Pegawai Tanah hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED NT32</b>	9.	Penolong Pegawai Tanah Gred NT27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT32 kosong apabila telah:-  (a) disahkan dalam perkhidmatan;  (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;  (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan  (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED NT36</b>	11	Penolong Pegawai Tanah Gred NT32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT36 yang kosong apabila telah:-  (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;  (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan  (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
<b>KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEGAWAI TADBIR</b>	12	Penolong Pegawai Tanah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja.

Skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2005 [rujukan: JPA(S)324/14/20 Klt. 6 (25)] adalah terpakai untuk Negeri Sarawak.

## LAMPIRAN B

### FORMAT IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Tanah
- (b) Kementerian/ Jabatan : (Untuk dinyatakan oleh agensi)
- (c) Sokongan : Sokongan
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran dan Pengurusan Tanah

#### 2. Jadual Gaji Matriks

Gred NT27	P1T1	RM1204.55	-	P1T26	RM3027.10
	P2T1	RM1274.13	-	P2T26	RM3213.25
	P3T1	RM1346.73	-	P3T26	RM3405.26
Gred NT32	P1T1	RM2413.04	-	P1T13	RM3592.76
	P2T1	RM2623.28	-	P2T13	RM3911.96
Gred NT36	P1T1	RM3001.40	-	P1T11	RM4439.78
	P2T1	RM3211.64	-	P2T11	RM4911.67

3. **Syarat Lantikan** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (a) warganegara Malaysia ;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) sijil dalam bidang perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27: P1T1); atau  
(ii) sijil dalam bidang kejuruteraan (ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau

kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27: P1T1); atau

(iii) diploma ukur tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27: P1T6).

(iv) diploma dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27: P1T6).

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. **Taraf Jawatan** : Tetap
5. **Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan** : Anggota yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa
6. **Fungsi Bidang Tugas** : Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan tanah di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan pentadbiran tanah yang meliputi aspek-aspek pendaftaran tanah, pelupusan tanah, hasil tanah, pembangunan tanah (pengambilan balik tanah, pesaka kecil, ukur tanah, penguatkuasaan tanah dan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan tanah yang ditentukan dari masa kesemasa).

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

**I. GRED GAJI SSM: NT27 (PENOLONG PEGAWAI TANAH)**

**II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: NT27000**

**III. TARIKH KUAT KUASA: 2.7.2009**

**JADUAL GAJI SSM : NT27**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24	T25	T26
<b>P1</b>	1204.55	1271.10	1337.65	1404.20	1470.75	1537.30	1603.85	1670.40	1736.95	1803.50	1870.05	1936.60	2003.15	2069.70	2136.25	2202.80	2269.35	2335.90	2402.45	2469.00	2535.55	2633.86	2732.17	2830.48	2928.79	3027.10
<b>P2</b>	1274.13	1343.71	1413.29	1482.87	1552.45	1622.03	1691.61	1761.19	1830.77	1900.35	1969.93	2039.51	2109.09	2178.67	2248.25	2317.83	2387.41	2456.99	2526.57	2596.15	2699.00	2801.85	2904.70	3007.55	3110.40	3213.25
<b>P3</b>	1346.73	1419.33	1491.93	1564.53	1637.13	1709.73	1782.33	1854.93	1927.53	2000.13	2072.73	2145.33	2217.93	2290.53	2363.13	2435.73	2508.33	2580.93	2653.53	2760.92	2868.31	2975.70	3083.09	3190.48	3297.87	3405.26

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
SOKONGAN****(RM SEBULAN)****I. GRED GAJI SSM: N32 (PENOLONG PEGAWAI TANAH)****II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: NT32000****III. TARIKH KUAT KUASA: 2.7.2009****JADUAL GAJI SSM : NT32**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>	<b>T8</b>	<b>T9</b>	<b>T10</b>	<b>T11</b>	<b>T12</b>	<b>T13</b>
<b>P1</b>	2413.04	2511.35	2609.66	2707.97	2806.28	2904.59	3002.90	3101.21	3199.52	3297.83	3396.14	3494.45	3592.76
<b>P2</b>	2623.28	2730.67	2838.06	2945.45	3052.84	3160.23	3267.62	3375.01	3482.40	3589.79	3697.18	3804.57	3911.96

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
SOKONGAN****(RM SEBULAN)****I. GRED GAJI SSM: NT36 (PENOLONG PEGAWAI TANAH)****II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: NT36000****III. TARIKH KUAT KUASA: 2.7.2009****JADUAL GAJI SSM : NT36**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>	<b>T8</b>	<b>T9</b>	<b>T10</b>	<b>T11</b>
<b>P1</b>	3001.40	3099.71	3198.02	3296.33	3459.68	3623.03	3786.38	3949.73	4113.08	4276.43	4439.78
<b>P2</b>	3211.64	3319.03	3495.99	3672.95	3849.91	4026.87	4203.83	4380.79	4557.75	4734.71	4911.67

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI TANAH**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36.

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Pejabat-Pejabat Tanah dan Galian Negeri/ Wilayah Persekutuan dan Pejabat-Pejabat Tanah Daerah di Negeri-negeri Semenanjung.

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan tanah di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan pentadbiran tanah yang meliputi aspek-aspek pendaftaran tanah, pelupusan tanah, hasil tanah, pembangunan tanah (pengambilan balik tanah, pesaka kecil, ukur tanah, penguatkuasaan tanah dan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan tanah yang ditentukan dari semasa ke semasa).

**4. BIDANG TUGAS**

**4.1 Penolong Pegawai Tanah Gred NT27**

- a. Membuat laporan yang lengkap dan memperenggankan tanah (ukur tanah) bagi maksud perkara-perkara berikut:
  - i. permohonan tanah dan permit bahan batu.
  - ii. permohonan lesen melombong dan permit carigali.
  - iii. permohonan pecah sempadan/ bahagian/ penyatuan tanah.
  - iv. permohonan tukar syarat.
  - v. pengambilan balik tanah.
  - vi. permohonan hak lalu lalang.
  - vii. pencerobohan tanah kerajaan/ simpanan/ lombong.
  - viii. kelonggaran syarat tanah.
  - ix. rancangan projek kerajaan.

- b. Menjalankan kerja-kerja penempatan mengenai perkara-perkara berikut:
- i. permohonan tanah yang diluluskan untuk pertanian, bangunan dan perusahaan.
  - ii. tanah-tanah kerajaan yang diluluskan untuk perkampungan kawasan-kawasan dalam rancangan tanah berkelompok (GSA).
  - iii. menempatkan mangsa-mangsa bencana alam di tempat-tempat selamat mengikut arahan pegawai daerah atau kerajaan negeri.
- c. Menjalankan kerja-kerja penyelesaian ke atas perkara-perkara berikut:
- i. tanah yang telah diukur oleh Jabatan Ukur untuk milik, pajakan dan simpanan.
  - ii. tanah yang telah diukur oleh Jabatan Ukur untuk rancangan perkampungan dan penempatan setinggan.
  - iii. tanah yang telah diukur dalam urusan pengambilan tanah 1960.
  - iv. tanah yang telah diukur berkaitan dengan pecah sempadan/pecah bahagian/ penyatuan tanah.
  - v. tanah yang telah diukur semula bersabit dengan kehilangan batu sempadan.
  - vi. tanah yang telah diukur bersabit dengan hak lalu lalang.
- d. Menjalankan kerja-kerja penulisan di pejabat seperti di bawah ini:
- i. penulisan hak milik sementara.
  - ii. penyediaan draf hak milik pendaftaran.
  - iii. penyediaan permohonan ukur bagi tanah-tanah yang telah diluluskan pelupusan, pecah sempadan/ pecah bahagian/ penyatuan tanah dan telah diambil balik sebahagiannya.
  - iv. penulisan hak milik tetap.
  - v. penulisan hak milik sambungan.
  - vi. pindaan hasil.

- e. Menyimpan dan mengemaskinikan rekod-rekod di Pejabat Tanah seperti:
  - i. penyelesaian.
  - ii. Fahrasat Pejabat Tanah dan Fahrasat Lot.
  - iii. permohonan ukur.
  - iv. pemerenggan.
  - v. *plotting tracing*.
  - vi. daftar tanah simpanan.
  - vii. daftar syarat-syarat tertentu.
  - viii. daftar permohonan tanah.
  - ix. syit-syit pelan akui.
  - x. permohonan hak milik.
  - xi. rekod kes-kes tangkapan.
  
- f. Menjalankan kerja-kerja penilaian berhubung dengan:
  - i. urus niaga tanah untuk cukai setem bagi Akta Pembahagian Pesaka.
  - ii. ganti rugi untuk pengambilan tanah.
  - iii. permohonan tukar syarat.
  - iv. tanaman-tanaman dan perkakas yang telah dirampas bersabit dengan Seksyen 425 dan 426.
  - v. pampasan mengenai hak lalu lalang pemungut dan izin lalu (*way leave*)
  - vi. pampasan bersabit dengan bencana alam.
  - vii. permohonan tanah bagi maksud premium.
  - viii. lelong tanah.
  - ix. pampasan berkaitan dengan kerosakan tanah ketika kerja ukur dijalankan.

## 4.2 Penolong Pegawai Tanah Gred NT32

- a. Pembangunan Tanah (Pengambilan Balik Tanah)
  - i. menerima dan memproses permohonan pengambilan balik tanah untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi kerajaan.
  - ii. menyemak laporan-laporan tanah yang dibuat oleh Penolong Pegawai Tanah Gred NT27 dan menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan.
  - iii. melaksanakan perbicaraan (*hearing*)
  - iv. menghadiri perbicaraan di Mahkamah Tinggi.
- b. Kerja-kerja Penempatan dan Penyelesaian.
  - i. mengawas pelaksanaan kerja-kerja penempatan dan kerja-kerja Penolong Pegawai Tanah Gred NT27 dan menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan.
  - ii. memperakukan kepada Pemungut Hasil Tanah untuk pengesahan pelan-pelan yang disediakan oleh Jabatan Ukur bagi penempatan terakhir.
- c. Permohonan-permohonan tanah, Lesen Pendudukan Sementara dan Permit
  - i. memproses permohonan-permohonan.
  - ii. menyemak laporan-laporan tanah yang disediakan oleh Penolong Pegawai Tanah Gred NT27 dan Pelukis Pelan.
  - iii. menyemak laporan-laporan dari jabatan-jabatan yang ada kaitan.
  - iv. menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan.
- d. Pendaftaran Hakmilik Urusan Tanah.
  - i. dilantik sebagai Penolong Pendaftar Hakmilik untuk mendaftar hakmilik-hakmilik dan urusan-urusan tanah.
  - ii. mengemaskini dan mengawasi semua rekod pendaftaran dan hak milik tanah.

- iii. menyempurnakan perbicaraan kes-kes gadaian yang tidak ditebus.
  - iv. menyempurnakan pelelongan tanah yang telah digadai.
- e. Penguatkuasaan
- i. bertanggungjawab dalam hal-hal penyiasatan bagi mencegah pencabulan tanah-tanah kerajaan dan pelanggaran-pelanggaran syarat.
  - ii. menyediakan '*charge sheet*' dan '*case precis*'.
  - iii. mengambil bahagian dalam perbicaraan.
- f. Tugas-tugas lain
- i. menjadi ahli lembaga tender bagi tanah-tanah yang hendak dipajakkan.
  - ii. menilai dan juga mengkaji nilai harga tanah yang dibuat oleh Penolong Pegawai Tanah Gred NT27.
  - iii. mewakili Pemungut Hasil Tanah dalam perancangan tanah bandar dan desa jika diperlukan.

#### **4.3 Penolong Pegawai Tanah Gred NT36**

- a. mengawas pelaksanaan kerja-kerja Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32.
- b. menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan.
- c. membantu menyediakan Kertas Memorandum Jemaah Menteri.
- d. menyediakan afidavit dan hadir di mahkamah.
- e. menjalankan tugas penguatkuasaan dan pegawai pendakwa di mahkamah di bawah Seksyen 425 dan 426 Kanun Tanah Negara.
- f. menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tanah/ Pemantauan Tanah Kerajaan/ Tanah Persekutuan.
- g. memberi taklimat berhubung tanah-tanah persekutuan dan pengambilan tanah.
- h. lain-lain tugas yang berkaitan seperti yang diarahkan dari masa kesemasa.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### **Dalaman**

- a. Rakan sekerja di bahagian/ unit/ cawangan yang sama.
- b. Anggota lain di bahagian lain dalam organisasi yang sama.

### **Luaran**

- a. Orang awam.
- b. Agensi kerajaan yang berkaitan.
- c. Badan/ Pertubuhan Antarabangsa.
- d. Agensi swasta.
- e. Ahli politik/ pemimpin masyarakat.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

- a. Dalam dan luar pejabat.

## **7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)**

- a. Kebolehan mengendalikan perisian komputer dan peralatan yang berkaitan dengan bidang tugas.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Bersih, cekap dan amanah.
- b. Jujur.
- c. Bertanggungjawab.
- d. Berminat dan berdedikasi.

## **9. ANCAMAN/ BAHAYA**

- a. Terdedah dengan unsur rasuah.
- b. Terlibat dengan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TANAH (kepada pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)**

---

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik)

.....  
.....

Fail Rujukan :

Tarikh :

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan)

.....  
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TANAH DI (Nama Agensi)**

---

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan satu skim perkhidmatan baharu Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36 berkuat kuasa mulai 2 Julai 2009. Sehubungan itu, tuan/ puan dengan ini ditawarkan

pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di (Nama Agensi) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Pengurusan Tanah dengan menerima gaji P...T...sebanyak RM..... sebulan atas Gred NT .... mulai 2 Julai 2009.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran E1**. Tuan/ puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau menolak tawaran ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran E2** seperti berikut dan jawapan tuan/ puan hendaklah sampai di pejabat ini sebelum atau pada .....

2.1 **Menerima Tawaran:**

Menandakan (✓ ) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a) di Lampiran E2; atau

2.2 **Menolak Tawaran:**

Menandakan (✓ ) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b) di Lampiran E2, jika tuan/puan menolak opsyen ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

-----  
(Tandatangan)  
Pihak Berkuasa Melantik

**SYARAT-SYARAT TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN  
MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI TANAH**

---

1. Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan satu skim **OPSYEN** perkhidmatan baharu Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36 berkuat kuasa mulai 2 Julai 2009. Dengan keputusan ini, tuan/ puan diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu Penolong Pegawai Tanah di bawah Klasifikasi Pentadbiran dan Pengurusan Tanah ataupun jika menolak akan kekal dalam gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**.
  
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/ puan untuk **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN** membuat pilihan ialah selama **tiga puluh (30) hari** mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/ puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/ puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini.
  
3. Tuan/ puan adalah layak untuk ditukar lantik ke skim **JAWATAN YANG DITAWARKAN** perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang baharu seperti berikut:
  - (a) tuan/ puan yang berada di Gred NT17 dan NT22 akan ditukar lantik ke Gred NT27;
  - (b) tuan/ puan yang berada di Gred NT31 dan NT32 akan ditukar lantik ke Gred NT32; dan

- (c) tuan/ puan yang berada di Gred NT36 akan ditukar lantik ke Gred NT36;
4. Tuan/ puan yang berada di Gred NT17 dan NT22 yang memiliki kelayakan sebagaimana ditetapkan di dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah akan ditukar lantik ke Gred NT27.
  5. Tuan/ puan yang berada di Gred NT17 dan NT22 yang tidak memiliki kelayakan sebagaimana ditetapkan di dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah akan ditukar lantik ke Gred NT27 tertakluk kepada syarat memiliki SPM termasuk keujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat peperiksaan tersebut dan pengalaman selama tidak kurang enam (6) tahun dalam perkhidmatan sekarang pada tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan yang baharu. Tuan/ puan akan kekal dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga memenuhi syarat tersebut.
  6. Gelaran jawatan tuan/ puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut.
  7. Tuan/ puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntuk dalam skim perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BAHARU**
  8. (a) Tuan/ puan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

gred jawatan baharu.

- (b) Tuan/ puan yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di gred jawatan baharu yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.
  - (c) Jika matagaji di gred jawatan baharu tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip yang dinyatakan di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.
  - (d) Bagi tuan/ puan yang belum memenuhi syarat, gaji tuan/ puan hanya akan dipindahkan ke matagaji baharu di Gred NT27 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan berdasarkan kaedah seperti di perenggan 8(a), 8(b) dan 8(c) di atas.
9. Pergerakan Gaji Tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada 1 Oktober 2009 hendaklah diberi di gred jawatan asal pada 2 Julai 2009 sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan.

## **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

10. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baharu pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baharu itu ialah mulai 1 Julai tahun berikutnya.

#### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

11. TPG bagi pegawai yang belum memenuhi syarat gred jawatan baharu yang ditetapkan kekal mengikut TPG gred jawatan dan skim perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun, TPG tersebut akan diubah kepada satu TPG baharu pada tahun berikutnya selepas pegawai **memenuhi syarat di gred jawatan baharu dan** TPG baharunya **adalah** pada 1 Julai tahun berikutnya.

12. Tuan/ puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/ puan telah disahkan dalam perkhidmatan di gred jawatan asal atau tuan/ puan ditukar lantik ke gred kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/ puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan baharu oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

#### **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN**

13. Tuan/ puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan di gred jawatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan perkhidmatan asal tertakluk dengan syarat tuan/ puan telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di perkhidmatan asal adalah dikecualikan.

#### **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**

14. Kekananan tuan/ puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini dikekalkan. **KEKANANAN**
15. Jika tuan/ puan belum disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan asal dan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semasa disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan baharu. **OPSYEN SKIM KWSP**
16. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/ puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. **TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**
17. Jika tuan/ puan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak dipertimbangkan diberi taraf pegawai berpencen mengikut peraturan pencen yang berkuat kuasa. **PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**
18. (a) Tuan/ puan di Gred NT17, NT22 yang ditukar lantik ke Gred NT27 skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang baharu tidak boleh mengguna pakai kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di Gred NT17, NT22 sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat di skim perkhidmatan baharu. **PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
- (b) Tuan/ puan di Gred NT31, NT32 dan NT36 yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu Penolong Pegawai Tanah boleh mengguna pakai PTK di Gred NT31/32 atau NT36 sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat di skim perkhidmatan baharu.

19. Tuan/ puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan pemberian wang tunai Gantian Cuti Rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. **CUTI REHAT**
20. Tuan/ puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan. **PENEMPATAN**
21. Ketua perkhidmatan tuan/ puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik. **KETUA PERKHIDMATAN**
22. Tuan/ puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa. **KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN**
23. Tuan/ puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, akuan berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/ puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam gred jawatan asal. **SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN**
24. Pertukaran pelantikan tuan/ puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai **2 Julai 2009**. **TARIKH KUAT KUASA**
25. Hubungan tuan/ puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan kelayakan pinjaman. **HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN ASAL**

**BORANG OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TANAH (kepada pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)**

Fail Rujukan :  
Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)  
-----  
-----

Melalui Ketua Jabatan  
-----  
-----

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TANAH DI (Nama Agensi)**

Berhubung dengan surat tuan bil. .... bertarikh ..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan sendiri seperti berikut:-

\* (a) **Bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di....(Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Pengurusan Tanah di (Nama Agensi) dengan menerima gaji P...T... sebanyak RM..... sebulan atas gred gaji NT.....

**ATAU**

\* (d) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di....(Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di bawah Klasifikasi Perkhidmatan

Pentadbiran dan Pengurusan Tanah di (Nama Agensi) dan dengan ini bersetuju kekal dalam gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. .... bertarih ..... dan implikasi pilihan ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam gred jawatan asal.

Tandatangan : .....  
Nama Penuh : .....  
No. Kad Pengenalan : .....  
Jawatan : .....  
Alamat : .....  
.....  
.....

Tarikh : .....

Di hadapan :

.....  
**SAKSI\*\***  
( Tandatangan dan Cop Jawatan )

Nama Penuh : .....  
No. Kad Pengenalan : .....  
Jawatan : .....  
Alamat : .....  
.....  
.....

Tarikh : .....

---

\* Tandakan ( ✓ ) dalam salah satu petak yang berkenaan.  
\*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TANAH (kepada pegawai tetap yang belum memenuhi syarat tukar lantik)**

---

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik)

---

---

Fail Rujukan :

Tarikh :

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :

Melalui Ketua Jabatan:

(Nama Ketua Jabatan)

---

---

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TANAH, DI (Nama Agensi)**

---

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan satu skim perkhidmatan baharu Penolong Penolong Pegawai Tanah Gred NT27, NT32, NT36 berkuat kuasa mulai 2 Julai 2009. Sehubungan itu, tuan/ puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah baharu

yang akan berkuat kuasa sehari selepas tuan/ puan memenuhi syarat iaitu mempunyai sekurang-kurangnya enam (6) tahun pengalaman dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah. Dengan itu tuan/ puan akan dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di gred asal dalam skim perkhidmatan asal sehingga memenuhi syarat tersebut.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran E1**. Sekiranya tuan/ puan bersetuju menerima opsyen ini, tuan/ puan perlu menjawab dalam tempoh 30 hari mulai ..... Tuan/ puan adalah dikehendaki menandatangani borang opsyen seperti di **Lampiran E4** dan mengembalikan kepada Pihak Berkuasa Melantik dalam tempoh yang dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

-----

(Tandatangan)  
Pihak Berkuasa Melantik

**BORANG OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TANAH (kepada pegawai tetap yang belum memenuhi syarat tukar lantik)**

---

Fail Rujukan :  
Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)  
-----  
-----

Melalui Ketua Jabatan  
-----  
-----

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TANAH DI (Nama Agensi)**

---

Berhubung dengan surat tuan bil. .... bertarih ..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan sendiri seperti berikut:-

\* (a) **Bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di....(Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Pengurusan Tanah di (Nama Agensi) sehari selepas saya memenuhi syarat skim perkhidmatan di gred jawatan baharu iaitu mempunyai sekurang-kurangnya enam (6) tahun pengalaman dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah. Dengan itu, saya adalah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di atas Gred NT..... sehingga memenuhi syarat tersebut.

**ATAU**

\* (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di....(Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Pengurusan Tanah di (Nama Agensi) dan dengan ini bersetuju kekal dalam gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. .... bertarih ..... dan implikasi pilihan ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam gred jawatan asal.

Tandatangan : .....  
Nama Penuh : .....  
No. Kad Pengenalan : .....  
Jawatan : .....  
Alamat : .....  
.....  
.....

Tarikh : .....

Di hadapan :

.....

**SAKSI\*\***  
( Tandatangan dan Cop Jawatan )

Nama Penuh : .....  
No. Kad Pengenalan : .....  
Jawatan : .....  
Alamat : .....  
.....  
.....

Tarikh : .....

---

\* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.  
\*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN  
PELANTIKAN PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT31  
KE PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT32**

(Pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan tetapi memenuhi syarat yang ditetapkan)

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Pegawai Tanah Gred NT31 Yang Belum Disahkan Dalam Perkhidmatan Tetapi Telah Memenuhi Syarat Yang Ditetapkan Akan Ditukar Lantik Ke Penolong Pegawai Tanah Gred NT32 Baharu Dan Diselaraskan Kepada Matagaji Baharu di Peringkat 1 (P1) Gred NT32 Baharu.

**Tarikh Kuat Kuasa** : 2 Julai 2009  
**Tarikh Pergerakan Gaji Asal** : 1 April

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred NT31 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred NT32 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.7.2009	RM2511.35 (P1T2)	-	Gaji akhir di gred jawatan asal.
2.7.2009	RM2511.35 (P1T2)	RM2609.66 (P1T3)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.7.2010	-	RM2707.97 (P1T4)	TPG Gred Jawatan Baharu. Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

**Catatan:**

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia  
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN  
PELANTIKAN PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT31  
KE PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT32**

(Pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi syarat yang ditetapkan)

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Pegawai Tanah Gred NT31 Yang Telah Disahkan Dalam Perkhidmatan dan Memenuhi Syarat Yang Ditetapkan Akan Ditukar Lantik Ke Penolong Pegawai Tanah Gred NT32 Baharu Dan Diselaraskan Kepada Matagaji Baharu di Peringkat 1 (P1) Gred NT32 Baharu.

**Tarikh Kuat Kuasa** : 2 Julai 2009  
**Tarikh Pergerakan Gaji Asal** : 1 Oktober

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred NT31 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred NT32 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.7.2009	RM3375.01 (P3T8)	-	Gaji akhir di gred jawatan asal.
2.7.2009	RM3482.40 (P3T9)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. TPG Gred Jawatan Asal (1 Oktober) Diberi Dahulu Di Gred Jawatan Asal Pada Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.
2.7.2009	RM3482.40 (P3T9)	RM3589.79 (P2T10)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.7.2010	-	RM3697.18 (P2T11)	TPG Gred Jawatan Baharu. Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

**Catatan:**

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia  
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN  
PELANTIKAN PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT32  
KE PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT32**

(Pegawai telah memenuhi syarat yang ditetapkan)

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Pegawai Tanah Gred NT32 Yang Telah Memenuhi Syarat Yang Ditetapkan Akan Ditukar Lantik Ke Penolong Pegawai Tanah Gred NT32 Baharu Dan Diselaraskan Kepada Matagaji Baharu di Peringkat 1 (P1) Gred NT32 Baharu.

**Tarikh Kuat Kuasa** : **2 Julai 2009**  
**Tarikh Pergerakan Gaji Asal** : **1 Julai**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred NT32 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred NT32 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.7.2009	3396.14 (P1T11)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	3396.14 (P1T11)	3494.45 (P1T12)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.7.2010	-	3592.76 (P1T13) maks.	TPG Gred Jawatan Baharu (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

**Catatan:**

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia  
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN  
PELANTIKAN PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT36  
KE PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT36**

(Pegawai telah memenuhi syarat yang ditetapkan)

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Pegawai Tanah Gred NT36 Ditukar Lantik Ke Penolong Pegawai Tanah Gred NT36 Baharu Dan Diselaraskan Kepada Matagaji Baharu di Peringkat 1 (P1) Gred N36 Baharu.

**Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred NT36 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred NT36 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.7.2009	RM4026.87 (P2T6)	-	Gaji akhir di gred jawatan asal.
2.7.2009	RM4026.87 (P2T6)	RM4203.83 (P2T7)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.7.2010	-	RM4380.79 (P2T8)	TPG Gred Jawatan Baharu. Diberi Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

**Catatan:**

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji